

RM20 juta untuk belia majukan pertanian

PUTRAJAYA: Kementerian Belia dan Sukan semalam melantik Bank Pertanian Malaysia Bhd (Bank Pertanian) sebagai pengurus Dana Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, bagi meningkatkan penyertaan golongan itu dalam bidang keusahawanan tani.

Menterinya, Datuk Azalina Othman Said, berkata kemudahan pinjaman menerusi Skim Bella Tani itu mensasarkan penyertaan kira-kira 1,000 belia berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Dana ini menyediakan peruntukan RM20 juta kepada belia yang berminat untuk mengusahakan pelbagai projek pertanian termasuk ta-

naman jangka pendek, ternakan haiwan, perikanan, industri asas tani dan perkhidmatan tani.

"Bagaimanapun, jumlah pinjaman dihadkan antara RM5,000 hingga RM50,000 dengan tempoh maksimum bayaran balik tujuh tahun," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Bank Pertanian dan kementeriannya di pejabatnya di sini, semalam.

Kementerian itu diwakili Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Muhamad Batri manakala Bank Pertanian oleh Pengurus Besarnya, Zainul Kamar Mohd Zain.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Liow Tiong Lai.